



# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

1. Adakah Peperiksaan *Brunei-Cambridge GCE 'O'/'AS'/'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/November 2021 masih akan diadakan?

Peperiksaan *Brunei-Cambridge GCE 'O'/'AS'/'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober / November 2021 secara bertulis atau bersemuka adalah ditiadakan dan digantikan dengan menggunakan format alternatif kepada peperiksaan bertulis iaitu *School Assessed Grades (SAG)*.

2. Mengapakah Peperiksaan *Brunei-Cambridge GCE 'O'/'AS'/'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober / November 2021 secara bertulis tidak dapat diadakan?

Ianya disebabkan oleh kadar penularan jangkitan tempatan yang masih tinggi dan seterusnya belum mengizinkan bagi Kementerian Pendidikan untuk mengadakan peperiksaan bertulis secara bersemuka. Kementerian Pendidikan sentiasa memberikan keutamaan terhadap keselamatan serta kesejahteraan pelajar-pelajar dan guru-guru.

3. Mengapakah Kementerian Pendidikan membuat keputusan untuk melaksanakan penilaian kaedah SAG?

Kaedah penilaian SAG merupakan penilaian alternatif *Cambridge Assessment International Education (Cambridge International)* bagi negara-negara yang terjejas oleh wabak pandemik COVID-19 di mana peperiksaan secara bersemuka adalah tidak selamat untuk dilaksanakan.





# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

## 4. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah penilaian SAG?

SAG adalah penilaian berdasarkan pencapaian sebenar pelajar yang merangkumi markah pelajar-pelajar sepanjang sesi persekolahan tahun 2021 melalui Penilaian Kendiri Sekolah (*School Based Assessment*).

## 5. Adakah kualiti penilaian SAC sebanding dengan peperiksaan secara bertulis / bersemuka?

Dalam hal ini, tidak perlu ada keraguan ibu bapa mahupun orang ramai mengenai dengan cara penilaian SAG. Ini adalah kerana penilaian SAG akan melalui proses *Quality Assurance Check* daripada pihak *Cambridge Assessment International Education* bagi memastikan penilaian yang dilaksanakan oleh pihak sekolah mencapai tahap piawaian badan-badan peperiksaan luar negeri.

## 6. Bagaimanakah saya/anak saya akan dinilai melalui kaedah penilaian SAG?

Guru mata pelajaran akan memberi gred kepada setiap pelajar berdasarkan penyediaan portfolio yang mengandungi 3 kerja khusus. Pelajar-pelajar akan dimaklumkan mengenai jenis kerja yang digunakan.





# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

7. Adakah saya masih perlu mengulangkaji pelajaran jika dinilai melalui kaedah penilaian SAG?

Ya, pelajar-pelajar masih perlu mengulangkaji pelajaran berpandukan kepada kerja-kerja yang akan digunakan dalam penyediaan portfolio guru masing-masing bagi pemberian gred.

8. Adakah keputusan peperiksaan melalui kaedah penilaian SAG diiktiraf sebagaimana lazimnya?

Pelajar-pelajar boleh menggunakan keputusan tersebut untuk memasuki Pusat Tingkatan Enam, Kolej atau Universiti seperti lazimnya. Status kelulusan yang diperolehi melalui kaedah ini adalah sama tarafnya dengan peperiksaan *BC-GCE 'O', 'AS' & 'A' Level* dan *IGCSE* yang dikendalikan sebelum ini.

9. Adakah semua calon peperiksaan yang berdaftar pada sesi Oktober/November 2021 akan mengikuti peperiksaan melalui kaedah penilaian SAG?

Peperiksaan *Brunei-Cambridge GCE 'O'/'AS'/'A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/ November 2021 melalui kaedah *SAG* hanya akan ditawarkan kepada calon-calon sekolah yang akan menduduki peperiksaan peringkat '*O', '*A*' dan *IGCSE* sahaja.*





# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

10. Mengapakah calon-calon sekolah peringkat 'AS' tidak ditawarkan untuk mengikuti peperiksaan pada sesi Oktober/November 2021 melalui kaedah SAC?

Ini adalah memandangkan calon-calon sekolah masih berpeluang untuk menduduki peperiksaan peringkat 'AS' pada sesi Mei/Jun 2022. Kementerian Pendidikan berharap ianya akan dapat membantu memberi ruang dan peluang bagi calon-calon peperiksaan berkenaan untuk lebih bersedia sebelum menduduki peperiksaan seterusnya.

11. Bilakah pelajar-pelajar boleh menduduki peperiksaan 'AS' Level jika mereka tidak ditawarkan untuk mengikuti peperiksaan sesi Oktober/November 2021 ini?

Pelajar-pelajar masih boleh menduduki peperiksaan 'AS' Level pada sesi Mei/Jun 2022.

12. Adakah calon-calon persendirian akan menduduki Peperiksaan BC-GCE 'O'/'AS'/'A' Level dan IGCSE bagi sesi Oktober/November 2021?

Calon-calon persendirian bagi Peperiksaan BC-GCE 'O'/'AS'/'A' Level dan IGCSE sesi Oktober/November 2021 akan ditukar daripada mengikuti peperiksaan pada sesi Oktober/November 2021 dan didaftarkan semula untuk mengikuti peperiksaan sesi Mei/Jun 2022. Walau bagaimanapun, calon persendirian juga diperbolehkan menarik diri sepenuhnya daripada peperiksaan Oktober/November 2021 tanpa perlu didaftarkan semula ke dalam peperiksaan sesi Mei/Jun 2022.





# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

13. Mengapakah calon-calon persendirian tidak dapat mengikuti peperiksaan BC-GCE 'O'/'AS'/'A' Level dan IGCSE bagi sesi Oktober/November 2021 secara kaedah SAG?

Ianya adalah disebabkan calon-calon persendirian tidak mempunyai pusat atau institusi yang boleh memberikan bukti yang kukuh berdasarkan kriteria SAG serta mereka tidak mengikuti pembelajaran secara formal.

14. Adakah wang pendaftaran peperiksaan akan dikembalikan bagi calon persendirian yang tidak berhasrat untuk didaftarkan ke dalam sesi peperiksaan Mei/Jun 2022?

Wang pendaftaran peperiksaan akan dikembalikan bagi calon-calon persendirian peperiksaan BC-GCE 'O'/'AS'/'A' Level dan IGCSE bagi sesi Oktober/November 2021 yang tidak berhasrat untuk didaftarkan ke dalam peperiksaan Mei/Jun 2022.

15. Sekiranya saya berhasrat untuk menduduki Peperiksaan sesi Mei/Jun 2022, akan tetapi terdapat mata pelajaran yang tidak ditawarkan di dalam sesi tersebut?

Calon masih boleh mendaftar untuk menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran tersebut di dalam sesi Oktober/November 2022.

16. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk mendokong pelaksanaan penilaian SAG November 2021?

- Sesi kongsisama pelaksanaan SAG kepada peringkat sekolah dan guru-guru seluruh negara
- Sesi Webinar SAG kendalian pihak Cambridge International kepada pihak sekolah
- Mengongsikan himpunan soalan dan jawapan berkenaan SAG kepada pihak sekolah
- Mengongsikan pautan laman sesawang mengenai penilaian SAG kepada pihak sekolah





# Soalan-soalan lazim mengenai 'School Assessed Grades (SAG)'

17. Bagaimana tatacara pengembalian wang pendaftaran peperiksaan bagi calon persendirian yang tidak berhasrat untuk didaftarkan ke dalam sesi peperiksaan Mei/Jun 2022?

Tatacara pengembalian wang pendaftaran peperiksaan *BC-GCE 'O'/AS'/A' Level* dan *IGCSE* sesi Oktober/November 2021 bagi calon persendirian yang tidak berhasrat untuk didaftarkan ke dalam peperiksaan sesi Mei/Jun 2022 adalah seperti berikut;

- i. Calon hendaklah mengisikan google form Borang A – Borang Pengesahan Menarik Diri dari menduduki Peperiksaan *BC-GCE 'O'/AS'/A' Level & IGCSE* bagi sesi Oktober/November 2021 yang boleh didapati dari MOE portal <https://forms.gle/RJYSNYHhSkVdqBj37>
- ii. Calon hendaklah menghadapkan dokumen sokongan berikut pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian;
  - a) Salinan Kad Pengenalan Pintar
  - b) *Vendor Form* (yang boleh dimuatnaik semasa membuka google form di atas)
  - c) Resit Original bagi Pembayaran Pendaftaran Peperiksaan Oktober/November 2021
  - d) Salinan buku bank

**Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah berhubung terus ke Jabatan Peperiksaan melalui talian 2380630 pada waktu-waktu bekerja atau melalui emel berikut:  
[jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn](mailto:jbtpeperiksaan.helpdesk@moe.gov.bn)**

18. Dimanakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut mengenai penilaian SAG?

Maklumat lanjut mengenai penilaian SAG bolehlah diperolehi dengan melayari <https://www.cambridgeinternational.org/covid/november-2021-exam-series/school-assessed-grades/>

